



TUNJUK AJAR: Mahasiswa perubatan tahun kedua, Encik Muhammad Amirul Haqim Ghazali, sedang memberi taklimat dan demonstrasi tentang proses intubasi (peletakan tiub plastik ke dalam salur udara kepada dua peserta Program Mendekati Perubatan Muslim. – Foto fail

Usaha pupuk minat masyarakat dalam bidang perubatan

PELBAGAI usaha sedang dilaksana Persatuan Karyawan Penjagaan Kesihatan Islam (MHPA) untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar Melayu mengenai bidang kedokteran.

Januari lalu, persatuan itu mendapat sokongan daripada sekumpulan mahasiswa perubatan.

Kumpulan mahasiswa tersebut, Jawatankuasa Program Mendekati Perubatan Muslim dari Universiti Nasional Singapura (NUS), telah mengadakan satu program berkongsi pengalaman dengan pelajar yang berminat menyertai bidang tersebut.

Laluan mencabar yang dialami seperti melalui lapan tahap interviu dikupas dan dijadikan panduan kepada pelajar yang bercita-cita menjadi doktor.

Para peserta juga telah diberi panduan bagaimana memohon bidang perubatan di dalam dan luar negara.

MHPA mempunyai matlamat mempertingkatkan usaha menambah bilangan anak Melayu ke dalam bidang perubatan di universiti setempat.

Sebagai contoh, beberapa anggota persatuan itu menawarkan bimbingan kepada pelajar yang ingin menceburi bidang perubatan.

Antara doktor yang menyediakan bimbingan ini termasuk pakar jantung dari Raffles Hospital, Dr Abdul Razakjr Omar; pakar bedah ortopedik, Dr Fareed Kagda; Dr Zainal Muttakin Abdul Rahman; Dr Balkis Akbar Ali; Dr Hamid Rahmahtullah Abd Razak; Dr Suraidah Ahmat; Dr Muhammad Fairuz Abdul Rahman; dan Dr Zuraimi Dahlan.